

# Glumet Forte Tablet 850mg<sup>®</sup>

Metformin Hydrochloride (850mg)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Glumet Forte Tablet 850mg
2. Bagaimana Glumet Forte Tablet 850mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Glumet Forte Tablet 850mg
4. Cara menggunakan Glumet Forte Tablet 850mg
5. Semasa menggunakannya
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Glumet Forte Tablet 850mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor siri

## Apakah kegunaan Glumet Forte Tablet 850mg

Glumet Forte Tablet 850mg mengandungi bahan aktif metformin hidroklorida dan tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *biguanides*, yang digunakan dalam rawatan kencing manis.

Glumet Forte Tablet 850mg digunakan untuk merawat penghidap diabetes jenis 2 (juga dikenali sebagai diabetes 'tidak bergantung pada insulin') apabila diet dan senaman sahaja tidak cukup untuk mengawal glukosa darah anda. Ia digunakan terutamanya oleh pesakit yang mempunyai berat badan berlebihan.

Orang dewasa boleh mengambil Glumet Forte Tablet 850mg secara tersendiri atau bersama ubat lain untuk merawat diabetes (ubat yang diambil menerusi mulut atau insulin).

Kanak-kanak berusia 10 tahun dan ke atas dan remaja boleh mengambil Glumet Forte Tablet 850mg secara tersendiri atau bersama insulin.

## Bagaimana Glumet Forte Tablet 850mg berfungsi

Glumet Forte Tablet 850mg berfungsi dengan meningkatkan sensitiviti badan anda untuk insulin. Insulin ialah hormon yang dihasilkan pankreas yang membolehkan badan anda mengambil glukosa (gula) daripada darah. Badan anda menggunakan glukosa untuk menghasilkan tenaga atau disimpan untuk kegunaan pada masa depan.

Jika anda menghidap diabetes, pankreas anda tidak menghasilkan insulin secukupnya atau badan anda tidak dapat menggunakan insulin yang dihasilkannya dengan baik. Ini menyebabkan tahap glukosa tinggi dalam darah anda. Glumet Forte Tablet 850mg membantu menurunkan glukosa darah ke paras normal sebaik yang mungkin.

Jika anda seorang yang mempunyai berat badan berlebihan, pengambilan Glumet Forte Tablet 850mg dalam jangka panjang juga membantu mengurangkan risiko kerumitan yang dikaitkan dengan diabetes. Glumet Forte Tablet 850mg dikaitkan dengan sama ada berat yang stabil atau kehilangan berat yang sedikit.

## Sebelum mengambil Glumet Forte Tablet 850mg

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Glumet Forte Tablet 850mg jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap metformin atau mana-mana bahan lain yang terdapat dalam ubat ini (yang disenaraikan di dalam *Maklumat lanjut*).
- Anda mengalami diabetes yang tidak terkawal, contoh dengan hiperglisemia teruk (glukosa darah tinggi), loya, muntah, badan kurang air, kehilangan berat pantas atau

ketoasidosis. Ketoasidosis adalah keadaan di mana bahan-bahan yang dipanggil '*ketone bodies*' berkumpul di dalam darah dan yang boleh membawa kepada diabetik pra-koma. Gejalanya termasuk sakit perut, pernafasan pantas dan dalam, mengantuk atau nafas berbau buah yang luar biasa.

- Anda kehilangan terlalu banyak air daripada badan (badan kurang air), seperti disebabkan oleh cirit-birit teruk dan berlarutan, atau jika anda telah muntah beberapa kali secara terus-menerus. Badan kurang air boleh mengakibatkan masalah buah pinggang, yang boleh menyebabkan anda menghadapi risiko asidosis laktik. (lihat '*Ambil langkah berjaga-jaga khas dengan Glumet Forte Tablet 850mg*').
- Anda dirawat untuk kegagalan jantung atau baru-baru ini mengalami serangan jantung, mempunyai masalah peredaran darah teruk (seperti kejutan) atau kesukaran pernafasan. Ini mungkin boleh mengakibatkan kekurangan bekalan oksigen ke tisu yang boleh menyebabkan anda menghadapi risiko asidosis laktik (lihat '*Ambil langkah berjaga-jaga khas dengan Glumet Forte Tablet 850mg*').
- Jika anda minum banyak alkohol.

Jika mana-mana perkara di atas berkaitan dengan anda, berbincanglah dengan doktor sebelum anda mula mengambil ubat ini.

### -Sebelum mula mengambil

Pastikan anda meminta nasihat doktor anda jika anda mengalami kegagalan jantung, masalah hati dan pengambilan atau penyerapan vitamin B<sub>12</sub> atau kalsium yang tidak mencukupi.

# Glumet Forte Tablet 850mg<sup>®</sup>

Metformin Hydrochloride (850mg)

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

**Ambil langkah berjaga-jaga khas dengan Glumet Forte Tablet 850mg**

**Sila awasi risiko asidosis laktik berikut.**

Glumet Forte Tablet 850mg boleh menyebabkan kesan sampingan yang sangat jarang tetapi sangat serius yang dipanggil asidosis laktik, terutamanya jika buah pinggang anda tidak berfungsi dengan baik. Risiko asidosis laktik juga meningkat dengan kegagalan hati, diabetes yang tidak terkawal, jangkitan serius, puasa berpanjangan atau pengambilan alkohol dan penggunaan produk perubatan bersamaan yang mempengaruhi fungsi buah pinggang. (lihat bawah 'Jika mengambil ubat-ubat lain').

Antara gejala-gejala asidosis laktik termasuk:

- muntah
- sakit perut (sakit perut)
- kekejangan otot
- perasaan umum tidak baik dengan keletihan yang teruk
- kesukaran bernafas

Jika perkara ini terjadi terhadap anda, anda mungkin memerlukan rawatan hospital dengan segera kerana asidosis laktik boleh mengakibatkan koma.

Berhenti mengambil Glumet Forte Tablet 850mg dengan serta-merta dan segera hubungi doktor atau hospital terdekat.

**Jika mengambil ubat-ubat lain**

Glumet Forte Tablet 850mg secara tersendiri tidak menyebabkan hipoglisemia (tahap glukosa darah yang terlalu rendah). Walaubagaimanapun, jika anda

mengambil Glumet Forte Tablet 850mg bersama ubat lain untuk merawat diabetes yang boleh menyebabkan hipoglisemia (seperti *sulphonylureas*), terdapat risiko hipoglisemia seperti kelemahan, pening, perpeluhan bertambah, denyutan jantung lebih pantas, gangguan penglihatan atau kesukaran menumpukan perhatian, anda mungkin boleh makan atau minum sesuatu yang mengandungi gula.

Jika anda perlu mengambil suntikan ubat kontras beriodin dalam aliran darah anda, sebagai contoh untuk pemeriksaan seperti X-Ray atau imbasan, anda perlu berhenti mengambil Glumet Forte Tablet 850mg untuk tempoh tertentu sebelum dan selepas pemeriksaan. Doktor anda akan memutuskan bila anda mesti berhenti dan bila untuk memulakan rawatan anda dengan Glumet Forte Tablet 850mg.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang bidis diperolehi tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba. Ini adalah kerana metformin boleh menjejaskan cara kerja ubat-ubatan yang lain. Juga, sesetengah ubat-ubatan boleh menjejaskan cara kerja metformin.

Secara khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan yang berikut:

- Ubat yang meningkatkan pengeluaran air kencing (diuretik).
- Ubat yang digunakan untuk merawat kesakitan dan keradangan (*NSAIDs* dan *COX-2 inhibitors*).
- Ubat untuk tekanan darah tinggi seperti *ACE inhibitors* (seperti *enalapril*, *perindopril*, *quinapril*), tablet air (diuretik), dan *beta-blockers*.
- *Corticosteroids* (digunakan untuk merawat pelbagai keadaan, seperti

keradangan kulit yang serius atau asma).

- Ubat-ubatan yang boleh menyebabkan perubahan kandungan metformin dalam darah, terutamanya jika fungsi buah pinggang anda berkurang (seperti *verapamil*, *rifampicin*, *cimetidine*, *dolutegravir*, *ranolazine*, *trimethoprim*, *vandetanib*, *isavuconazole*, *crizotinib*, *olaparib*).
- Ubat lain untuk merawat kencing manis (diabetes).
- *Insulin secretagogues* atau *insulin*.
- *Cephalexin* (antibiotik).
- Produk perubatan yang meningkatkan kepekatan plasma metformin; *Amiloride*, *cimetidine*, *digoxin*, *glycopyrrolate*, *morphine*, *morphine sulphate liposome*, *quinidine*, *quinine*, *ranitidine*, *vancomycin* atau *enalapril maleate* dengan metformin boleh menyebabkan ketoksikan metformin.
- *Linezolid* atau *moclobemide* atau *selegiline* yang boleh mengakibatkan hipoglikemia yang berlebihan, kemurungan dan sawan.

Jika mana-mana di atas terjadi kepada anda (atau anda tidak pasti), beritahu doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil metformin.

**Cara menggunakan Glumet Forte Tablet 850mg**

**-Berapa banyak perlu diambil**

Sentiasa ambil Glumet Forte Tablet 850mg seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

**Dewasa** – Dos permulaan biasa ialah satu tablet 2 atau 3 kali sehari. Doktor anda akan memberitahu anda bila untuk mengambilnya.

# Glumet Forte Tablet 850mg<sup>®</sup>

Metformin Hydrochloride (850mg)

---

- Selepas 10 hingga 15 hari, doktor anda boleh meningkatkan dos anda secara perlahan-lahan sehingga dos yang tepat untuk anda dicapai.
- Maksimum dos metformin adalah 3g.

## **Kombinasi bersama insulin**

Metformin dan insulin boleh digunakan dalam terapi gabungan untuk mencapai kawalan glukosa darah yang lebih baik. Metformin diberikan pada Dos permulaan biasa satu tablet 2-3 kali sehari, manakala dos insulin diselaraskan berdasarkan aras glukosa darah.

## **Warga tua**

Dos metformin perlu diselaraskan bergantung kepada keadaan buah pinggang.

## **Kanak-kanak dan Remaja**

Ubat ini boleh digunakan pada kanak-kanak dari umur 10 tahun dan remaja.

- Dos permulaan biasa adalah satu tablet 2 atau 3 kali sehari. Doktor anda akan memberitahu anda bila untuk mengambilnya.
- Selepas 10 hingga 15 hari, doktor anda boleh meningkatkan dos anda secara perlahan-lahan sehingga dos yang tepat untuk anda dicapai.
- Maksimum dos metformin adalah 2g.

Glumet Forte Tablet 850mg diberikan sekali sehari semasa makan atau selepas makan.

Selepas 10 hingga 15 hari, doktor anda akan menyesuaikan dos berdasarkan aras glukosa darah.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami

arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### *-Bila perlu diambil*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### *-Berapa lama perlu diambil*

Gunakan Glumet Forte Tablet 850mg mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### *-Jika terlupa mengambil*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ambil dos seterusnya pada waktu yang betul.

### *-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan Glumet Forte Tablet**

### *-Perkara yang perlu dilakukan*

- Jumlah gula di dalam darah atau air kencing anda perlu diperiksa secara berkala. Doktor anda juga akan memeriksa buah pinggang anda berjalan dengan baik. Ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun (lebih kerap jika warga tua atau mempunyai masalah buah pinggang).
- Jika anda akan menjalani sinar-X, beritahu doktor anda bahawa anda

sedang mengambil metformin. Jika ini melibatkan suntikan pewarna, anda perlu berhenti mengambil metformin.

- Jika anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan anestetik am, beritahu doktor anda yang anda mengambil metformin sebelum pembedahan dijalankan. Doktor anda mungkin menghentikan anda daripada mengambil metformin beberapa hari sebelum dan selepas pembedahan.

### *-Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan minum alkohol dalam kuantiti yang banyak atau mengambil ubat-ubatan yang mengandungi alkohol semasa mengambil metformin. Alkohol boleh meningkatkan risiko asidosis laktik terutamanya jika anda mengalami masalah hati, tidak makan atau jika anda malnutrisi (kurang mendapat khasiat pemakanan). Ini termasuklah ubat yang mengandungi alkohol.

Jangan gunakan ubat ini untuk melainkan diberitahu oleh doktor anda.

Jangan menggunakan sebarang ubat yang baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Glumet Forte Tablet 850mg kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda.

### *-Perkara yang perlu diberi perhatian*

*Memandu dan menggunakan jentera*  
Metformin sendiri biasanya tidak mempengaruhi keupayaan anda semasa memandu. Sekiranya tablet ini membuat anda berasa sakit, pening, atau letih, atau memberi anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor.

# Glumet Forte Tablet 850mg<sup>®</sup>

Metformin Hydrochloride (850mg)

---

Anda harus menyedari gejala amaran yang merangkumi kekejangan otot, sakit perut, sesak nafas dan perasaan sangat lemah dan tidak sihat. Sekiranya anda mengalami gejala ini, anda mesti memberitahu doktor anda dengan segera.

Kanak-kanak berusia antara 10-12 tahun dan warga tua perlulah berhati-hati semasa menggunakan Glumet Forte Tablet 850mg.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Glumet Forte Tablet 850mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

## ***Gangguan metabolisme dan pemakanan:***

Sangat jarang berlaku: Asidosis laktik dan penurunan atau tahap vitamin B<sub>12</sub> yang rendah di dalam darah. Doktor anda mungkin mengatur beberapa ujian untuk mengetahui punca gejala anda kerana beberapa di antaranya mungkin juga disebabkan oleh diabetes atau disebabkan oleh masalah kesihatan lain yang tidak berkaitan.

## ***Gangguan sistem saraf:***

Biasa: Perubahan rasa

## ***Gangguan gastrousus:***

Sangat biasa: Masalah pencernaan seperti cirit-birit, rasa sakit (loya), muntah, sakit perut dan hilang selera makan. Kesan sampingan ini paling kerap berlaku pada awal rawatan menggunakan Glumet Forte 850mg. Ianya membantu jika anda menyebarkan dos sepanjang hari dan jika anda mengambil Glumet Forte 850mg bersama atau terus selepas makan. Sekiranya gejala berterusan, berhenti mengambil Glumet Forte

850mg dan berbincang dengan doktor anda.

## ***Gangguan hepatobiliari:***

Sangat jarang berlaku: Laporan terpencil fungsi hati menguji keabnormalan atau keradangan buah pinggang (hepatitis) yang hilang apabila metformin dihentikan.

## ***Gangguan kulit dan tisu subkutaneus:***

Sangat jarang berlaku: kemerahan dan keradangan kulit yang tidak normal (eritema), gatal-gatal (pruritus) dan gatal-gatal (urtikaria).

## ***Populasi kanak-kanak***

Data terhadap pada kanak-kanak dan remaja menunjukkan bahawa kejadian buruk adalah serupa dalam sifat dan keparahan kepada yang dilaporkan pada orang dewasa.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Glumet Forte Tablet**

### ***-Penyimpanan***

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak. Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Simpan di tempat yang bersuhu bawah 30°C. Lindungi daripada pancaran cahaya.

### ***-Pelupusan***

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sistem air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi tentang bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Kaedah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### ***- Rupa dan warna produk***

Tablet berwarna putih ke putih pudar, berbentuk bujur, dwi-cembung dengan garis belahan pada satu permukaan dan rata di permukaan sebelah lagi.

### ***- Bahan-bahan kandungan***

-Bahan aktif

*Metformin hydrochloride*

-Bahan tidak aktif

*Purified water, Aerosil, Starch (Maize starch), Opadry II White, Sodium starch Glycolate, Magnesium Stearate, Kollidon 30.*

### ***- Nombor MAL:***

MAL06091502AZ

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),  
No. 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

12/03/2025

## **Nombor Siri**

NPRA(R2/2)250306/1426